

MYCOFIX ANTI-FUNGAL CREAM 1%W/W

Clotrimazole (1%w/w)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan MycoFix
2. Bagaimana MycoFix berfungsi
3. Sebelum menggunakan MycoFix
4. Cara menggunakan MycoFix
5. Semasa menggunakan MycoFix
6. Kesan- kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan MycoFix
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan MycoFix

Ia digunakan untuk merawat:

- Semua dermatomikosis yang disebabkan oleh dermatofit (spesis *Trichophyton*) seperti kaki atlet (*Tinea pedis*), gatal pangkal paha (*Tinea curis*) dan kurap pada badan (*Tinea corporis*)
- Semua dermatomikosis disebabkan oleh yis (spesis *Candida*) seperti *Candida vulvitis*, *Candida balanitis*, *pityriasis versicolor*
- Dermatomikosis yang disebabkan oleh kulapuk dan kulat yang lain
- Penyakit kulit yang mempunyai jangkitan sekunder oleh fungus

Bagaimana MycoFix berfungsi

Ia mengandungi *Clotrimazole* yang merupakan ejen antikulat yang melawan punca jangkitan kulat.

Sebelum menggunakan MycoFix

- Bila tidak boleh menggunakan

Jangan guna jika anda alah terhadap *Clotrimazole* atau bahan- bahan lain yang terkandung dalam MycoFix.

- Sebelum menggunakan

Jangan pakai pembalut luka selepas sapu ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor. Keselamatan untuk digunakan semasa kehamilan dan penyusuan belum dikenalpasti.

Maklumkan kepada doktor anda jika anda sedang mengandung atau menyusukan bayi.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

MycoFix adalah untuk aplikasi topikal dan biasanya akan mempunyai kesan minimum ke atas ubat-ubatan lain. Namun, sila maklumkan kepada doktor atau ahli farmasi jika mengambil ubat- ubat lain.

Cara menggunakan MycoFix

- Berapa banyak harus digunakan

Umum: Basuh dan keringkan bahagian yang dijangkiti. Sapukan lapisan nipis krim dengan sekata di bahagian yang dijangkiti dua kali sehari. Rawatan perlu diteruskan 2- 4 minggu selepas kehilangan semua tanda- tanda jangkitan untuk memastikan penyembuhan yang sempurna dan mengelakkan jangkitan berulang.

Dos dewasa dan pediatrik (2 tahun dan ke atas) bergantung kepada jenis jangkitan:

- *Kandidiasis* (topikal): dua kali sehari untuk jangka masa sehingga 4 minggu
- *Pityriasis versicolor* (*Tinea versicolor*): dua kali sehari untuk jangka masa sehingga 4 minggu
- *Tinea corporis*: dua kali sehari untuk jangka masa sehingga 4 minggu
- *Tinea curis*: dua kali sehari untuk jangka masa sehingga 4 minggu
- *Tinea pedis*: dua kali sehari untuk jangka masa sehingga 4 minggu

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Ia mungkin berbeza dari maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

- Bila perlu digunakan

Sila ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

- Berapa lama perlu digunakan

Sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda.

- Jika terlupa menggunakan

Teruskan menggunakannya seperti yang diarahkan oleh doktor anda atau ikut arahan pada label pek.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Jika anda menggunakan terlalu banyak MycoFix, hubungi doktor anda, jabatan kecemasan atau pusat keracunan segera.

Semasa menggunakan MycoFix

- Perkara yang perlu dilakukan

Maklumkan kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang semua ubat yang anda sedang ambil.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti menggunakan ubat walaupun anda berasa lebih baik

selepas beberapa hari, sehingga kursus rawatan yang ditetapkan habis.

Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan berkongsi MycoFix dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau penyakit yang sama.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Basuh tangan anda selepas menggunakan ubat.

Tanya pengamal perubatan kesihatan anda apa- apa soalan yang anda mungkin ada tentang bagaimana untuk menggunakan MycoFix.

Kesan- kesan Sampingan

Tindak balas setempat termasuk iritasi, sensasi panas, dermatitis kontak, lepuh, edema, eritema, pengelupasan kulit, gatal- gatal, urtikaria dan sengatan kulit.

Seperti semua ubat, MycoFix boleh menyebabkan kesan- kesan sampingan walaupun bukan semua orang akan menghidapinya.

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [*Consumers -> Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*].

Cara Penyimpanan dan Pelupusan MycoFix

- Penyimpanan

Simpan di bawah 30°C. Jauhkan daripada capaian kanak- kanak.

-Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

MYCOFIX ANTI-FUNGAL CREAM 1% W/W

Clotrimazole (1%w/w)

Maklumat Lanjut

- Rupa dan warna produk

Krim berwarna putih, mudah disapu, melekit dan bau fenolik.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif

Clotrimazole

- Bahan tidak aktif

Cetomacrogol, cetostearyl alcohol, liquid paraffin, chlorocresol, purified water

- Nombor MAL

MAL*****

Pengilang

Syarikat Wen Ken Drug Sdn Bhd
24, Jalan Lambak, Taman Johor,
81200 Johor Bahru, Johor, Malaysia.

Pemegang Pendaftaran Produk

Aetos Pharma Sdn Bhd
66B, Tingkat 2, Jalan Cerdas, Taman
Connaught, 56000 Kuala Lumpur,
Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

17/04/2026

Nombor Siri

NPRA (R2) 25/253